

# Psoriasis jejas kehidupan pesakit

PSORIASIS ialah sejenis penyakit auto imun kronik yang menjejaskan kulit. Ia berlaku apabila sistem imun menghantar isyarat salah yang mempercepatkan kitaran pertumbuhan sel kulit.

Penyakit itu dicirikan oleh tompok menebal yang diliputi sisik sel kulit mati warna putih yang lazimnya terbentuk pada kulit kepala, lutut, siku dan bahagian bawah di bahagian belakang seseorang.

Sesetengah orang mungkin menganggapnya sebagai satu lagi penyakit kulit biasa, tetapi kesannya ke atas seseorang individu adalah lebih daripada itu.

Bagi memahami kesan fizikal dan psikologi ke atas kehidupan, syarikat penjagaan kesihatan antarabangsa Novartis telah mengendalikannya tinjauan selidik terbesar berjudul *Clear About Psoriasis* melibatkan 8,300 pesakit dari 31 buah negara.

Pada peringkat global, 125 juta orang menghidap psoriasis.

Di Malaysia, keadaan kulit itu menjejaskan kira-kira satu hingga tiga orang penduduk.

Psoriasis juga merupakan penyakit keturunan. Kira-kira 20 peratus pesakit psoriasis mempunyai anggota keluarga yang menghidap penyakit tersebut.

Presiden Novartis Malaysia, Dr. Joshi Venugopal berkata, psoriasis bukan sahaja menjejaskan kehidupan peribadi malah lebih 50 peratus pesakit mengakui ia mengehadkan

peluang pekerjaan dengan 23 peratus mengalami pengalaman dipersendakan rakan sekerja.

"Tinjau selidik ini mengkaji kesan psoriasis ke atas hubungan pesakit dengan 40 peratus pesakit mengakui bahawa keadaan tersebut menjejaskan hubungan mereka dengan orang lain," ujarinya kepada pemberita ketika mendedahkan hasil tinjauan selidik itu di ibu kota baru-baru ini.

Selain itu, lebih 80 peratus



JOSHI



PSORIASIS merupakan situasi kulit bersisik.

daripada responden melaporkan mereka berdepan diskriminasi masyarakat dalam urusan seharian selain dibeban perasaan malu disebabkan keadaan yang dialami.

Apabila ditanya tentang kehidupan harian mereka, sebanyak 88 peratus daripada pesakit psoriasis berasa rendah diri dan bertindak menjauhkan diri daripada aktiviti seperti berenang, berjemur selain mendapatkan perkhidmatan seperti mengurut atau ke salon.

Seorang pesakit yang ingin dikenali sebagai Raja berkata,

psoriasis menjejaskan hampir 70 peratus bahagian tubuhnya dan dia berasa sedih apabila orang ramai bertanyakan adakah penyakit itu boleh berjangkit.

"Lebih banyak kulit yang terdedah lebih tidak yakin saya rasa. Namun, saya ingin mendidik masyarakat tentang penyakit ini. Pertama sekali saya mahu semua orang tahu bahawa ia bukan penyakit berjangkit.

"Orang tidak perlu takut untuk berkongsi makanan atau duduk di sebelah kami," jelas Raja.

Bagi seorang lagi pesakit yang menggelarkan dirinya sebagai Lex, dia berharap masyarakat memahami derita yang ditanggung akibat psoriasis bukan sekadar dilihat di depan mata atau kesakitan fizikal dan kulit kering.

"Saya sendiri telah mengalaminya selama 12 tahun dan pesakit ini tidak boleh sembuh. Ia merupakan penderitaan emosi bagi pesakit yang telah bertahun-tahun mengalaminya. Justeru, golongan seperti kami sangat memerlukan sokongan," tuturnya.